A

Mohd Fahmi Reza bin Mohd Zarin lwn Pendakwa Raya

B

MAHKAMAH TINGGI (IPOH) — RAYUAN JENAYAH NO AA-42S-3–02 TAHUN 2018
MOHD RADZI PK
7 JANUARI 2019

C

Undang-Undang Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Perayu memuat naik komunikasi di laman Facebook — Perayu disabitkan dengan pertuduhan di bawah s 233(1)(a) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 — Perayu dijatuhkan hukuman satu bulan penjara dan denda RM30,000 — Sama ada perayu memuat naik suatu komunikasi — Sama ada komunikasi tersebut palsu sifatnya — Sama ada komunikasi dimuat naik dengan niat untuk menyakitkan hati orang lain — Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 s 233(1)(a)

D

Ini adalah rayuan perayu yang tidak berpuas hati terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen yang mensabitkan perayu dengan pertuduhan di bawah s 233(1)(a) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 ('Akta') dan menjatuhkan hukuman satu bulan penjara dan denda RM30,000. Perayu telah dihadapkan dengan pertuduhan di bawah s 233(1)(a) Akta atas kesalahanya menggunakan perkhidmatan aplikasi melalu laman profil Facebook miliknya dan menghantar komunikasi yang palsu sifatnya dengan niat menyakitkan hati orang lain ('komunikasi tersebut'). Perayu dan pihak pendakwaan berhujah bahawa tiga elemen yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan bagi pertuduhan di bawah s 233 Akta adalah: (a) perayu telah menggunakan aplikasi laman profil Facebook miliknya untuk memuat naik suatu komunikasi; (b) komunikasi tersebut adalah palsu sifatnya; dan (c) komunikasi tersebut dimuat naik dengan niat di pihak perayu untuk menyakitkan hati orang lain.

E

F

G

H

Diputuskan, mengekalkan sabitan, membenarkan rayuan perayu terhadap hukuman, membatalkan hukuman hakim mahkamah sesyen dan menggantikannya dengan hukuman denda RM10,000 jika tidak bayar satu bulan penjara:

I

(1) Setelah meneliti semua rekod rayuan dan hujahan bertulis peguam perayu dan pendakwa raya, hakim Mahkamah Tinggi memutuskan segala fakta dan undang-undang oleh hakim mahkamah sesyen adalah betul (lihat perenggan 2).

(2) Elemen pertama diakui dan tidak dipertikaikan oleh perayu dan oleh itu, mahkamah memutuskan bahawa tidak perlu untuk meneliti serta

membuat kupasan undang-undang untuk elemen ini. Perkara ini dinyatakan dengan jelas dalam hujahan bertulis peguam perayu (lihat perenggan 10).

(3) Perayu merumuskan bahawa komunikasi tersebut bersifat parodi dan adalah suatu satira politik untuk mengkritik pihak berkuasa kerana menyekat kebebasan berekspresi dan internet. Mahkamah merumuskan bahawa perayu tidak boleh dipaksa atau disekat dari berpandangan sedemikian kerana berpandangan sedemikian bukan suatu jenayah. Tetapi tatkala pandangan sedemikian dijelmakan dalam bentuk komunikasi, maka pada saat itu perayu tidak boleh mengatakan komunikasi yang diciptanya tidak bercanggah dengan undang-undang. Ini adalah alasan utama mahkamah menolak hujahan perayu bahawa tidak wujud unsur atau elemen palsu sifatnya semata-mata kerana ia dianggap oleh perayu sebagai suatu nukilan fakta (lihat perenggan 22–23).

(4) Setelah menilai keterangan saksi, mahkamah berpuas hati bahawa walaupun komunikasi di Lampiran A kepada pertuduhan tersebut merupakan kerja seni yang halus dan kreatif yang dicipta perayu untuk mengkritik kerajaan dan pihak berkuasa, ia telah dihasilkan dengan niat untuk menyakitkan hati orang lain. Komunikasi tersebut tidak boleh dianggap sebagai satu parodi kerana ia gagal memenuhi erti kata 'parodi'. Komunikasi tersebut tidak berhak untuk ditampakkan oleh perayu kepada khalayak tanpa saksi undang-undang dan ia tidak dilindungi oleh peruntukan berkaitan dalam Perlembagaan Persekutuan. Ia adalah komunikasi yang melanggar peruntukan s 233(1) Akta (lihat perenggan 27–28 & 40).

(5) Mengenai hukuman, mahkamah membuat 'judicial notice' bahawa pada 11 Oktober 2018, Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur telah membebaskan perayu setelah pihak pendakwaan menarik balik kes terhadap perayu yang dituduh bagi pertuduhan di bawah peruntukan undang-undang yang sama bagi kesalahan melibatkan komunikasi yang sama dengan pertuduhan di hadapan mahkamah ini sekarang. Mahkamah juga mengambil maklum mengenai laporan media yang menyebut tentang maklumat dari YB Menteri Komunikasi dan Multimedia mengenai pindaan yang sedang dibuat terhadap s 233 Akta bagi memansuhkan unsur-unsur yang dikatakan oleh beliau sebagai bersifat 'draconian'. Setelah mengambil kira segala perkara tersebut, mahkamah telah membenarkan rayuan perayu terhadap hukuman (lihat perenggan 42–44).

[English summary

This was an appeal of the appellant who was dissatisfied with the decision of a session court judge convicting the appellant on the charge under s 233(1)(a) of

A the Communications and Multimedia Act 1998 ('the Act') for a one month jail and a fine of RM30,000. The appellant was charged under s 233(1)(a) of the Act for using an application through his Facebook profile page and sending false communications of its nature with intent to injure others ('the communication'). The appellant and the prosecution argue that the three B elements that the prosecution must fulfill for the charge under s 233 of the Act are: (a) the appellant has used his Facebook page application to upload the communication; (b) the communication is false in nature; and (c) the communication was uploaded with intent on the appellant's behalf to injure the other person. C

Held, upheld the conviction, allowed the appeal on sentencing, sessions court sentencing revoked and replaced with a fine of RM10,000 fail to pay one month imprisonment:

D (1) After reviewing all record of appeals and written submissions from the defense and prosecution, the High Court judge has ruled that all facts and the law by the session court judge are correct (see para 2).

(2) The first element was acknowledged and not disputed by the appellant E and, therefore, the court ruled that it was not necessary to review and establish legal remedies for this element. This is clearly stated in the written argument of the appellant's lawyer (see para 10).

(3) The appellant contended that the communication was a parody and that it was a political satire to criticise the authorities for restricting freedom of F expression and the internet. The court held that the appellant could not be coerced or restricted from such a view because such a view was not a crime. But when such views are expressed in the form of communications, then the appellant cannot say that the communication he creates does not conflict with the law. This is the main reason the court G rejects the appellant's argument that no element or false element exists solely because it is regarded by the appellant as a factual statement (see paras 22–23).

(4) After reviewing the evidence of the witness, the court is satisfied that H although the communication in Appendix A to the charge was a fine and creative work of art created by the appellant to criticise the government and the authorities, it was produced with the intent to injure others. Such communication cannot be considered a parody because it fails to fulfill the meaning of the word 'parody'. Such communication does not entitle I the appellant to appear before the public without a legal witness and is not protected by the provisions of the Federal Constitution. It is a communication that violates the provisions of s 233(1)(1) of the Act (see paras 27–28 & 40).

(5) On sentencing, the court made a judicial notice that on 11 October

2011, Kuala Lumpur Sessions Court acquitted the appellant after the prosecution withdrew the case against the appellant for the charge under the same provision for an offence of communication similar to the charge before this court today. The court also noted media reports citing the information from the Minister of Communications and Multimedia on amendments being made to s 233 of the Act to repeal elements he described as 'draconian'. After considering all of these, the court allowed appellant's appeal against the sentence (see paras 42–44).]

Kes-kes yang dirujuk

Ong Eng Guan v PP [1956] 1 MLJ 44 (dirujuk)
PP v Rutinin Suhaimin [2013] 2 CLJ 427, MT (dirujuk)
Sepakat Efektif Sdn Bhd v Menteri Dalam Negeri & Anor and another suit [2014] MLJU 1874; [2015] 2 CLJ 328, MR (dirujuk)
T Ponnamalam and 11 Others v PP [1948] 1 MLJ 76 (dirujuk)
The People of the State of New York v Raphael Golb [2013] NY Slip Op 00436 [102 AD3d 601] (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Constitution of the United States [US] First Amendment
Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 s 233, 233(1), (1)(a), (1)(b)
Perlembagaan Persekutuan

Syahredzan Johan (Ramrais & Partners) bagi pihak perayu.
Mohd Sophian Zakaria (Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Timbalan Pendakwa Raya Negeri Perak) bagi pihak responden.

Mohd Radzi PK:

RAYUAN

[1] Di hadapan saya adalah suatu rayuan oleh perayu yang tidak berpuas hati terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen yang bijaksana ('HMS') pada 20 Februari 2018 yang mensabitkan perayu dengan pertuduhan di bawah s 233(1)(a) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) ('Akta KMM'), dan menjatuhkan hukuman satu bulan penjara dan denda RM30,000.

[2] Setelah meneliti fakta kes serta peruntukan undang-undang berkaitan, serta setelah saya meneliti semua rekod rayuan dan juga hujahan bertulis peguam perayu dan pihak pendakwa raya, saya memutuskan bahawa segala dapatan fakta dan undang-undang oleh HMS adalah betul. Maka saya mengekalkan sabitan terhadap perayu bagi pertuduhan di bawah s 233(1)(a) Akta KMM. Namun setelah mengambil kira pelbagai faktor, saya membatalkan hukuman yang telah dijatuhkan oleh HMS dan

menggantikannya dengan hukuman denda RM10,000, jika tidak bayar satu bulan penjara.

[3] Perayu sekarang memfailkan rayuan ini kerana tidak berpuas hati terhadap keputusan saya yang mengekalkan sabitan terhadapnya.

[4] Alasan penghakiman ini hanya memfokus kepada alasan-alasan yang membawa kepada keputusan saya yang mengekalkan sabitan sahaja dan tidak menyentuh secara mendalam alasan saya mengenai hukuman.

LATAR BELAKANG

[5] Perayu dihadapkan dengan pertuduhan di bawah s 233(1)(a) Akta KMM atas kesalahannya pada 8 Februari 2016 jam lebih kurang 12.31 tengah hari menggunakan perkhidmatan aplikasi melalui laman profil Facebook milik beliau dan menghantar komunikasi yang palsu sifatnya, seperti di Lampiran A kepada pertuduhan, dengan niat menyakitkan hati orang lain.

[6] Lampiran A tersebut adalah dipaparkan di pautan: https://www.facebook.com/photo.php?fbid=957284987640269&set=a.100378253330951.605.100000763298189&type=3&theater dan salinan komunikasi berkenaan adalah seperti saya tandakan sebagai 'PAPARAN A' berikut:

PAPARAN A

PERTUDUHAN

[7] Perayu dihadapkan dengan pertuduhan seperti berikut:

Bahawa kamu pada 8 Februari 2016, jam lebih kurang 12.31 tengahari telah didapati menggunakan perkhidmatan aplikasi melalui laman profil Facebook 'Fahmi Reza' di pautan https://www.facebook.com/photo.php?fbid=957284987640269&set =a.100378253330951.605.100000763298189&type=3&theater secara sedar membuat dan memulakan penghantaran komunikasi yang palsu sifatnya seperti Lampiran A dengan niat untuk menyakitkan hati orang lain, yang telah dibaca pada 8 Februari 2016 jam lebih kurang 2.40 petang di alamat Seraya Sdn Bhd, Batu 3, Jalan Jelapang, di dalam daerah Ipoh dalam negeri Perak Darul Ridzuan. Oleh itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 233 (1) (a) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] dan boleh dihukum di bawah seksyen 233(3) Akta yang sama.

ELEMEN PERTUDUHAN

[8] Untuk kemudahan rujukan, saya turunkan di bawah ini peruntukan s 233 Akta KMM secara penuh:

233(1) Seseorang yang —

(a) dengan menggunakan mana-mana kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian atau perkhidmatan aplikasi secara sedar —

(i) membuat, mewujudkan atau meminta-minta; dan

(ii) memulakan penghantaran,

apa-apa komen, permintaan, cadangan atau komunikasi lain yang lucah, sumbang, palsu, mengancam atau jelik sifatnya dengan niat untuk menyakitkan hati, menganiayai, mengugut atau mengganggu orang lain; atau

(b) memulakan suatu komunikasi dengan menggunakan mana-mana perkhidmatan aplikasi, sama ada secara berterusan, berulang kali atau selainnya, dan dalam masa itu komunikasi mungkin atau tidak mungkin berlaku, dengan atau tanpa mendedahkan identitinya dan dengan niat untuk menyakitkan hati, menganiayai, mengugut atau mengganggu mana-mana orang di mana-mana nombor atau alamat elektronik,

melakukan suatu kesalahan.

(2) Seseorang yang secara sedar —

(a) dengan menggunakan suatu perkhidmatan rangkaian atau perkhidmatan aplikasi memberikan apa-apa komunikasi lucah bagi maksud komersial kepada mana-mana orang; atau

(b) membenarkan suatu perkhidmatan rangkaian atau perkhidmatan aplikasi di bawah kawalan orang itu untuk digunakan bagi suatu aktiviti yang

diperihalkan dalam perenggan (a),
melakukan suatu kesalahan.

(3) Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan hendaklah juga boleh didenda selanjutnya satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas pensabitan.

[9] Bagi maksud pertuduhan terhadap perayu, saya dapati HMS dalam alasan penghakimannya, begitu juga peguam perayu dan pihak pendakwaan dalam hujahan bertulis mereka, dengan tepat menyatakan terdapat tiga elemen yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan bagi pertuduhan di bawah s 233 Akta KMM, yakni:

(a) perayu telah menggunakan aplikasi laman profil Facebook miliknya untuk memuat naik suatu komunikasi (komunikasi adalah seperti di Lampiran A kepada pertuduhan);

(b) komunikasi tersebut adalah palsu sifatnya; dan

(c) komunikasi tersebut dimuat naik dengan niat di pihak perayu untuk menyakitkan hati orang lain.

ANALISA DAN DAPATAN MAHKAMAH

Elemen pertama: Perayu telah menggunakan aplikasi laman profil Facebook miliknya dan secara sedar telah membuat dan menghantar suatu komunikasi seperti di Lampiran A kepada pertuduhan

[10] Mahkamah ini memutuskan bahawa tidak perlu untuk meneliti keterangan serta membuat kupasan undang-undang bagi elemen pertama ini memandangkan elemen ini diakui oleh perayu dan tidak dipertikaikan oleh perayu. Perkara ini juga dinyatakan dengan jelas dalam hujahan bertulis peguam perayu.

[11] Memandangkan elemen pertama pertuduhan telah berjaya dibuktikan, maka mahkamah ini hanya perlu memutuskan sama ada elemen kedua dan ketiga pertuduhan telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan.

Elemen kedua: Komunikasi tersebut adalah palsu sifatnya

Elemen ketiga: Komunikasi tersebut dengan niat di pihak perayu untuk menyakitkan hati orang lain.

[12] Elemen kedua dan ketiga di bawah s 233(1)(a) Akta KMM ini adalah berkaitan. Oleh itu, saya akan membuat dapatan mengenai kedua-duanya secara bersekali.

[13] Bagi maksud membuat dapatan mengenai perkara ini, saya telah meneliti semula keterangan kesemua enam saksi pihak pendakwaan, dan secara khususnya kepada keterangan SP1 (pengadu), SP4 (pemantau ancaman keselamatan sistem rangkaian), dan SP6 (pegawai penyiasat), serta keterangan di pihak pembelaan, iaitu perayu sendiri. Saya juga telah meneliti hujahan peguam perayu dan pihak pendakwaan serta dapatan HMS mengenai kedua-dua elemen pertuduhan ini.

[14] Pihak pendakwaan berhujah fakta bahawa perayu mengaku beliau sendiri yang membuat dan memuat naik komunikasi tersebut, dan fakta bahawa komunikasi itu tidak pernah dikeluarkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia ('SKMM') membuktikan ia adalah palsu sifatnya.

[15] HMS memutuskan bahawa komunikasi itu palsu sifatnya berlandaskan kepada keterangan SP1 bahawa SKMM tidak pernah mengeluarkannya. Juga keterangan SP6 bahawa komunikasi atau notis dalam bentuk sedemikian yang dikeluarkan oleh SKMM tidak menggunakan perkataan 'Amaran' tetapi 'Peringatan' atau 'Pengumuman'. Keterangan ini juga dipegang dan diterima oleh HMS sebagai pembuktian tentang sifat palsu komunikasi berkenaan.

[16] Pihak perayu berhujah dapatan HMS yang bersetuju dengan hujahan pihak pendakwaan bahawa memandangkan komunikasi di Lampiran A kepada pertuduhan itu tidak dikeluarkan oleh SKMM, maka ia memenuhi elemen komunikasi itu bersifat palsu, adalah terkhilaf dan terlalu *simplistic*.

[17] Mahkamah ini dapati hujahan pihak perayu mengenai isu ini adalah dari suatu perspektif atau dimensi yang berbeza sama sekali dengan hujahan pihak pendakwaan. Menurut peguam perayu, perkataan-perkataan yang terkandung dalam komunikasi tersebut, seperti yang ditunjukkan di bawah, adalah betul dan tidak palsu, walaupun ia tidak dikeluarkan oleh SKMM:

LOGO SKMM' AMARAN

HENTI SEBAR GAMBAR MENGAIBKAN PEMIMPIN NEGARA

Orang ramai diberi amaran supaya berhenti menyebarkan gambar- gambar pemimpin negara yang telah diubah suai menyerupai badut seperti dalam gambar di atas menerusi laman sosial termasuk aplikasi 'Whatsapp'.

Adalah menjadi satu kesalahan bila berkongsi atau menyebarkan kandungan sedemikian kerana ia melanggar undang-undang negara khususnya Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Jika didapati bersalah, hukumannya adalah denda tidak melebihi RM50,000 dan/atau tidak lebih satu tahun penjara.

[18] Pihak perayu berhujah semua kenyataan dalam komunikasi seperti ditunjukkan di atas itu sebenarnya pernah dan sering dikeluarkan sendiri oleh pihak SKMM. Oleh itu, mana mungkin komunikasi itu dianggap sebagai palsu sifatnya, walaupun ia dinukil oleh perayu. Menurut peguam perayu lagi, memandangkan frasa 'palsu sifatnya' tidak ditafsirkan dalam Akta KMM, maka ia hendaklah diberi tafsiran atau definisi kamus, yang mana perkataan 'palsu' membawa makna sesuatu yang bertentangan dengan benar. Oleh itu, hujah Peguam perayu, apa yang asasnya adalah benar, seperti terkandung dalam komunikasi ini, bukanlah sesuatu yang 'palsu sifatnya', dan oleh itu tiada apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh perayu di bawah s 233 Akta KMM.

[19] Pihak perayu seterusnya berhujah bahawa bukan sahaja komunikasi itu tidak memenuhi kehendak 'palsu sifatnya' seperti diperuntukkan di bawah s 233 Akta KKM, malah dengan merujuk kepada kes *Ong Eng Guan v Public Prosecutor* [1956] 1 MLJ 44 dan *T Ponnamalam and 11 Others v Public Prosecutor* [1948] 1 MLJ 76, pihak pendakwaan juga gagal membuktikan elemen ketiga iaitu niat perayu untuk menyakitkan hati. Keterangan SP1, iaitu pengadu dalam kes ini, yang sama sekali tidak menyatakan tentang siapa yang sakit hati dengan komunikasi tersebut, hujah pihak perayu, menunjukkan elemen penting pertuduhan telah gagal dibuktikan oleh pihak pendakwaan. Walaupun keterangan SP4 ada menyebut perihal beliau rasa marah dan sakit hati dengan komunikasi tersebut, terutamanya kerana SKMM adalah seperti keluarganya sendiri, keterangan ini dihujahkan oleh peguam perayu yang bijaksana sebagai tidak relevan dalam membuktikan elemen pertuduhan ini. Ini disebabkan SP4 adalah bukan pengadu dalam kes ini dan beliau adalah seorang saksi yang berkepentingan.

[20] Begitu juga keterangan SP6 yang membuat kesimpulan bahawa komunikasi tersebut berniat untuk menyakitkan hati pihak polis dihujahkan oleh peguam perayu sebagai gagal membuktikan elemen ketiga pertuduhan.

[21] Mahkamah telah meneliti kembali keterangan perayu sendiri dalam hal ini, sepertimana yang dititipkan dalam perenggan 94–97, 106 dan 112 dalam hujahan bertulis perayu. Memandangkan keterangan ini amat mustahak dan

telah saya pertimbangkan dalam menentukan sama ada pihak pendakwaan telah membuktikan elemen kedua dan ketiga pertuduhan terhadap perayu, maka saya perturunkan kesemua keterangan perayu dalam perenggan-perenggan tersebut seperti berikut:

94. Menurut perayu, Perayu mereka Komunikasi tersebut sebagai satu kritikan. Semasa pemeriksaan utama, Perayu mengatakan (seperti dalam video):

Saya reka notis amaran ini, yang mengambil bentuk parodi notis MCMC sebagai satu kritikan terhadap pihak berkuasa yang cuba untuk menyekat penyebaran satu lagi karya satira politik yang mengambil satu imej karikatur muka badut, yang pada ketika itu sedang menular di media sosial, yang pada saya adalah satu percubaan untuk menyekat kebebasan berekspresi, dan percubaan sensorship internet yang saya anggap bertentangan dengan komitmen kerajaan yang menjanjikan tiada sensorship internet semasa kerajaan lancarkan Multimedia Super Corridor, 22 tahun dulu. Jadi notis amaran ini adalah satu karya berbentuk satira politik untuk mengkritik tindakan ini.

95. Mengapa menggunakan medium grafik telah dijawab juga oleh Perayu:

Saya dah katakan tadi, seorang penulis mengekspresikan pandangan dia melalui tulisan, jadi saya sebagai seorang pereka grafik, saya ekspresikan pandangan saya melalui grafik, melalui visual. Tidak lebih dari itu.

96. Menurut Perayu, komunikasi itu adalah suatu bentuk 'parodi'. Parodi, menurut Perayu, adalah:

Parodi adalah sesuatu karya yang meniru sesuatu karya lain untuk tujuan satira politik, mengimitasi stail, design dan rupa bentuk sesuatu karya lain dengan mengubah sesuatu elemen daripada karya yang asal, atau menokok- tambah sesuatu elemen dari karya asal dengan suntikan humor dan juga ironi. Dan kebanyakan parodi adalah satu bentuk satira politik, memang bertujuan untuk menyampaikan sesuatu mesej.

97. Perayu kemudian telah menerangkan mengapa Komunikasi tersebut menjadi suatu parodi:

Kalau lihat grafik ini, sebagai satu parodi notis MCMC, grafik yang saya hasilkan ini cuba untuk meniru stail notis yang pernah dikeluarkan oleh MCMC sebelum ini. Dari aspek penggunaan warna biru, dari aspek meniru gaya bahasa yang digunakan dalam notis MCMC sebelum ini. Termasuklah menggunakan logo yang sama digunakan dalam notis yang pernah dikeluarkan MCMC sebelum ini. Tapi dengan elemen meletakkan imej yang cuba untuk disekat oleh notis ini. Jadi bila imej yang cuba disekat itu, disertakan sekali dalam notis ini, ia memberi satu efek ironi. Di mana percubaan untuk menyekat imej itu melalui notis amaran ini hanya memberikan kesan membantu untuk menyebarkan lagi imej ini. Jadi humor daripada karya satira ini datang daripada aspek ironi ini. Di mana matlamat asal yang cuba dicapai, hasilnya ialah sesuatu yang bertentangan dengan matlamat asal. Dan dekat situ karya satira politik yang saya hasilkan ini sebenarnya mengandungi mesej, seperti kebanyakan satira-satira politik yang ada di luar sana, mempunyai mesej yang cuba untuk disampaikan.

...

Seperti yang saya katakan tadi, dari satu aspek, sebagai seorang pereka grafik, saya menggunakan medium grafik sebagai medium untuk menyampaikan mesej dan menyampaikan pesan. Dan dari aspek ini saya pilih medium parodi yang berbentuk grafik, yang berbentuk visual, yang bagi saya paling efektif, yang paling berkesan untuk saya sampaikan mesej ini kepada audiens saya. Itu sebabnya saya memilih untuk hasilkan parodi ini. Dan sebagai karya parodi, seperti saya terangkan tadi adalah satu karya yang meniru karya lain. Dari aspek ini hanya MCMC antara agensi yang pernah mengeluarkan notis berbentuk visual seperti ini. Dan sebagai karya parodi, saya pilih untuk memparodikan notis MCMC. Itu sebab saya memiliih bentuk visual parodi seperti ini.

106. Semasa pemeriksaan oleh Pihak Pendakwa:

S: Setuju kalau saya katakan notis amaran tadi adalah kritikan En Fahmi terhadap tindakan pihak polis?

J: Notis amaran yang bertarikh 8 Feb? Notis amaran ini saya anggap sebagai satu kritikan terhadap pihak berkuasa secara general termasuklah pihak polis, boleh dikira pihak polis sebahagian dari pihak berkuasa tapi karya ini tidak secara spesifik target ditujukan kepada pihak polis semata-mata tetapi kepada mana-mana pihak berkuasa yang cuba untuk menyekat kebebasan berekspresi dan kebebasan internet.

S: Jadi setuju En. Fahmi rasakan, tindakan cuba sekat kebebasan berekspresi dan internet ini adalah tindakan yang salah?

J: Tindakan yang saya tak setuju.

S: Tak bersetuju maksudnya rasa tindakan itu bersalah lah?

J: Bukan, rasa tindakan itu perlu dikritik.

S: Setuju tak kamu rasa tindakan itu menyekat kebebasan berekspresi dan internet ini tindakan yang salah?

J: Satu tindakan yang saya tak setuju dan perlu dikritik sebab saya anggap bertentangan dengan kebebasan berekspresi yang termaktub dalam perlembagaan.

112. Seterusnya semasa pemeriksaan balas oleh pihak Pendakwaan:

S: En Fahmi setuju tak notis ni permain-mainkan MCMC?

J: Saya tak setuju.

S: Tapi En Fahmi setuju notis ini sarkastik? Dia kata jangan sebarkan gambar, tapi bila dia letakkan gambar tu, maka automatik notis ini sendiri pun menyebarkan gambar tu.

J: Ya, sebab itu sebahagian dari sifat karya seni berbentuk parodi, dan karya-karya satira politik memang kadang kala mengambil sifat sarkastik dan juga ironi. Dari aspek itu memang benar karya ini selari dengan sifat sebuah karya parodi.

S: Jadi sifat karya ini, ia mempermainkan notis MCMC lah?

J: Saya tak akan pilih perkataan 'mempermainkan' sebab ianya sebuah karya parodi.

S: Kalau En Fahmi tak pilih perkataan 'mempermainkan', En. Fahmi guna perkataan apa?

J: Mungkin boleh guna perkataan mempersendakan untuk tujuan kritikan dan komentar.

S: Setuju kalau saya katakan tujuan kita mempersendakan ini lebih kurang macam bergurau lah kan?

J: Ya lebih kurang macam bergurau.

S: Maka orang-orang yang baca dan lihat notis parodi itu akan rasa terhibur?

J: Ya, mungkin. Tapi pada masa yang sama dalam mungkin rasa terhibur itu, mereka akan dapat mesej yang cuba disampaikan melalui kritikan ini lah.

S: Setuju kalau saya katakan orang yang dipersendakan tu dia tak akan terhibur?

J: Saya tak setuju. Sebab sebagai pihak berkuasa, mereka sudah biasa menerima teguran, termasuk teguran-teguran yang dalam bentuk sebegini rupa, lebih-lebih lagi yang datang daripada kartunis politik, atau pereka grafik seperti saya yang banyak menggunakan medium-medium satira yang berbentuk gurauan seperti ini sebagai medium kritikan. Jadi saya rasa, mana-mana pihak berkuasa sudah lali dan sudah biasa dengan bentuk teguran dan kritikan sebegini rupa. Jadi saya tak setuju.

S: Tak setuju mereka tak terhibur, jadi En. Fahmi nak kata mereka terhiburlah tengok?

J: Mungkin.

S: Jadi En. Fahmi tak setujulah kalau saya katakan En. Fahmi buat notis itu antara niatnya adalah untuk menyakitkan hati MCMC?

J: Memang saya sangat tak bersetuju. Sebab memang niat saya hasilkan dan upload notis ini adalah sebagai satu bentuk kritikan yang saya katakan tadi, kritikan terhadap isu percubaan untuk menyekat kebebasan berekspresi, kebebasan bersatira dan juga kebebasan berinternet, dan bukan dengan niat untuk menyakitkan hati mana-mana pihak.

[22] Perayu jelas sekali merumuskan bahawa komunikasi di Lampiran A kepada pertuduhan tersebut bersifat parodi dan adalah suatu satira politik untuk mengkritik pihak berkuasa kerana menyekat kebebasan berekspresi dan internet. Mahkamah ini merumuskan perayu tidak boleh dipaksa atau disekat dari berpandangan sedemikian. Malahan perayu tidak dihadapkan dengan pertuduhan kerana berpandangan sedemikian bukan suatu jenayah. Tetapi tatkala pandangan sedemikian dijelmakan dalam bentuk komunikasi seperti di Lampiran A kepada pertuduhan, maka pada saat itu perayu tidak boleh mengatakan komunikasi yang diciptanya tidak bercanggah dengan undang-undang.

[23] Inilah alasan utama kenapa mahkamah ini menolak hujahan peguam perayu bahawa, berdasarkan keterangan perayu seperti di dalam perenggan 21 di atas dan dengan mengambil kira segala faktor keadaan dan latar belakang bagaimana komunikasi berkenan dinukilkan oleh perayu, tidak wujud unsur atau elemen palsu sifatnya semata-mata kerana ia dianggap oleh perayu sebagai suatu nukilan fakta.

[24] Mahkamah ini memilih untuk bersetuju dengan hujahan pihak pendakwaan bahawa dalam penentuan bahawa elemen ketiga di bawah s 233(1)(a) Akta KMM itu dipenuhi, prinsip yang terpakai adalah sebagaimana yang diputuskan dalam kes *Ong Eng Guan v Public Prosecutor* [1956] 1 MLJ 44 , iaitu:

> The point is not whether he annoyed the complainant, ... but whether ... he intended to annoy him ...

[25] Pada masa yang sama, mahkamah ini juga telah meneliti semula dan menerima keterangan SP6 yang menyatakan bahawa hasil siasatannya menunjukkan bahawa komunikasi perayu yang dipersoalkan (*the appellant's impugned communication*) dalam pertuduhan terhadap beliau dibuat oleh perayu sebagai suatu bahan ejekan perayu atas tindakan pihak Polis Diraja Malaysia ('PDRM') yang telah memberi pelbagai amaran kepada beliau hasil siasatan pihak PDRM terhadap komunikasi perayu yang menggambarkan Mantan Perdana Menteri sebagai badut. Mahkamah ini mendapati tanpa apa-apa keraguan munasabah bahawa komunikasi itu dibuat oleh perayu sebagai suatu bentuk ejekan atau penghinaan kepada pihak berkuasa, terutama PDRM dan SKMM.

[26] Mahkamah ini seterusnya telah meneliti segala aspek berkaitan komunikasi di Lampiran A kepada pertuduhan itu untuk membuat pertimbangan sama ada komunikasi tersebut adalah benar seperti yang dihujahkan oleh perayu telah dibuat oleh perayu semata-mata sebagai suatu kerja halus seni, untuk mengkritik kerajaan dan pihak berkuasa tanpa niat jahat atau apa-apa niat untuk menyakitkan hati mana-mana pihak, dengan bertanya dua soalan retorikal yang berikut:

(a) adakah komunikasi itu semata-mata suatu bentuk parodi dan dengan melihat kepada latar belakang kerja seni perayu yang banyak menghasilkan parodi menunjukkan perayu tidak berniat menyakitkan hati sesiapa? dan

(b) adakah komunikasi itu suatu karya ekspresi seni yang berhak untuk ditampakkan oleh perayu kepada khalayak tanpa saksi undang-undang kerana dilindungi oleh Perlembagaan Persekutuan?

[27] Setelah menilai semula semua keterangan saksi di hadapan HMS, termasuk keterangan perayu, dan setelah meneliti dengan terperinci komunikasi seperti di paparan A di atas, serta setelah mahkamah ini mengambil kira setiap hasil kerja kreatif yang dihasilkan oleh perayu dengan merujuk kepada ekhs P6, D14, D15, D27, D28, D29, mahkamah ini berpuas hati bahawa walaupun komunikasi di Lampiran A kepada pertuduhan tersebut merupakan suatu kerja seni yang halus dan kreatif yang dicipta oleh perayu untuk mengkritik kerajaan dan pihak berkuasa, tetapi ia dihasilkan dengan niat untuk menyakitkan hati orang lain. Mahkamah ini juga berpuas hati bahawa komunikasi itu tidak boleh dianggap sebagai suatu bentuk parodi kerana ia gagal memenuhi erti kata 'parodi' seperti diputuskan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Sepakat Efektif Sdn Bhd v Menteri Dalam Negeri & Anor and another suit* [2014] MLJU 1874; [2015] 2 CLJ 328:

> The pithy observation by Justice Albie Sachs of the Constitutional Court of South Africa in *Laugh it Off Promotions CC v South African Breweries International (Finance) Case* (2005) 5 LRC 475, is quoted to indicate the proper approach courts should take when assessing parodies and satires:
>
> If parody does not prickle it does not work.

[28] Bersandarkan dapatan itu, mahkamah ini memutuskan komunikasi itu adalah suatu karya ekspresi seni tetapi disebabkan sifatnya yang menyakitkan hati orang lain, maka ia tidak berhak untuk ditampakkan oleh perayu kepada khalayak tanpa saksi undang-undang dan ia tidak dilindungi oleh peruntukan berkaitan dalam Perlembagaan Persekutuan.

[29] Mahkamah ini telah meneliti kesemua kes-kes yang dirujuk oleh peguam perayu dan timbalan pendakwa raya mengenai kedua-dua elemen ini. Adalah didapati bahawa, hanya satu kes sahaja yang hampir sama, dari segi fakta dan peruntukan undang-undangnya, dengan kes di hadapan saya ini, terutamanya perihal tatacara pembuktian elemen kedua dan ketiga di bawah s 233(1)(a) Akta KMM ini, iaitu keputusan dalam kes *Public Prosecutor v Rutinin Suhaimin* [2013] 2 CLJ 427. Walaupun dalam kes ini Yang Arif Ravinthran Paramaguru PK (pada masa itu) memutuskan mengenai s 233(1)(b) Akta KMM, namun mahkamah ini dapati peruntukan perenggan (b) kepada s 233(1) Akta KMM yang dibincangkan beliau adalah hampir sama dengan perenggan (a) s 233(1) Akta KMM dalam kes di hadapan saya ini. YA Ravinthran memutuskan sebegini:

> As for evidence in respect of intention, it is always a matter of inference. From the fact that an offensive remark pertaining to the HRH Sultan of Perak had been posted on the online visitor book, it can be inferred that the accused had intended to cause annoyance. It is also unnecessary to call the victim of the annoying remark to the witness stand. Section 233(1)(b) does not say that the victim of the offence must actually feel annoyed or abused. The provision only says that the offender must have intention to annoy or abuse. Therefore it is sufficient if the

communication in question has the tendency to cause annoyance or abuse to any person. The posting in question says that the HRH Sultan of Perak is 'gila' (mad). Although, HRH was not called to testify, it is obvious that such a remark is intended to cause annoyance. Lest it be forgotten, the remark was not posted in a private internet chat session but on the online visitor book of the home page of HRH. Therefore, the prosecution had tendered sufficient inferential evidence to prove intention.

[30] Secara ringkasnya, prinsip yang diputuskan dalam kes *Public Prosecutor v Rutinin Suhaimin* itu, yang saya terima pakai bagi maksud kes perayu ini, adalah seperti berikut:

(a) elemen kedua dan ketiga dalam pertuduhan terhadap perayu ini hanya perlu dibuktikan secara inferens;

(b) s 233(1)(a) tiada memperuntukkan kehendak atau keperluan memanggil orang yang menjadi mangsa kepada komunikasi yang menyakitkan hati itu;

(c) s 233(1)(a) itu juga tidak menyebut bahawa orang yang mengatakan komunikasi tersebut menimbulkan sakit hati atau marah kepadanya mesti membuktikan keadaan marah atau sakit hatinya itu; dan

(d) adalah memadai jika dibuktikan kepada Mahkamah bahawa komunikasi itu mempunyai kecenderungan untuk menyebabkan kemarahan atau sakit hati kepada orang lain.

[31] Mahkamah ini berpuas hati bahawa keterangan SP1, SP4 dan SP6 telah berjaya tanpa apa-apa keraguan munasabah untuk mewujudkan dan membuat suatu inferens bahawa komunikasi yang dibuat oleh perayu itu menyakitkan hati dan mempunyai kecenderungan untuk menyebabkan kemarahan atau sakit hati kepada orang lain.

RUMUSAN

[32] Mahkamah ini ingin membuat rumusan dengan merujuk kepada suatu keputusan Mahkamah New York, Amerika Syarikat dalam kes *The People of the State of New York v Raphael Golb* [2013] NY Slip Op 00436 [102 AD3d 601], atau lebih dikenali di Amerika Syarikat sebagai *People v Golb*. Walaupun *People v Golb* tidak mengikat mahkamah di Malaysia dan keputusan kes ini lebih relevan kepada suatu keadaan yang disebutkan sebagai 'sockpuppetry', iaitu kesalahan penyalahgunaan penggunaan identiti atas talian dengan cara yang mengelirukan, namun demikian, prinsip undang-undang yang diputuskan dalam kes ini agak relevan dengan kes perayu.

[33] Fakta dalam kes *The People of the State of New York v Raphael Golb* ini agak menarik. Profesor Norman Golb dari University of Chicago dan Profesor

Lawrence Schiffman dari New York University merupakan pakar dalam kajian kitab purba. Kedua-dua profesor ini telah sekian lama bertelagah mengenai asal-usul Skrol Laut Mati (Dead Sea Scrolls). Defendan, Raphael Golb, adalah anak kepada Profesor Norman Golb. Tanpa pengetahuan bapanya, Raphael telah mewujudkan lebih 50 entri dalam talian dengan paparan dan komunikasi dalam talian yang menyatakan sokongan kepada pendapat Profesor Golb. Tindakan ini dibuat bagi mewujudkan suatu keadaan yang kononnya lebih ramai orang yang menyokong pendapat Profesor Golb berbanding pendapat Profesor Schiffman. Tindakan ini tidak menimbulkan sebarang masalah.

[34] Menggunakan nama samaran 'Peter Kaufman', Raphael telah menulis suatu artikel yang dipaparkan dalam laman web menuduh Profesor Schiffman sebagai seorang yang berkali-kali menjiplak dan memplagiat kerja akademik Profesor Golb. Pada masa yang sama Raphael menyamar sebagai Profesor Schiffman, menggunakan alamat emel sebenar Profesor Schiffman, dan membuat pengakuan bersalah dan memohon maaf kerana telah memplagiat kerja Profesor Golb. Emel yang kononnya digarap oleh Profesor Schiffman itu, antara lain, menulis:

> Someone is intent on exposing a minor failing of mine that dates back almost fifteen years ago ... It is true that I should have cited Dr. Golb's articles when using his arguments, and it is true that I misrepresented his ideas. But this is simply the politics of Dead Sea Scrolls studies.

[35] Emel tersebut dihantar kepada Provos New York University ('NYU'), yang telah membalas emel tersebut kepada 'Profesor Schiffman' tetapi sebenarnya diterima oleh Raphael. Provos NYU itu mengatakan perkara ini telah ditugaskan kepada seorang dekan untuk disiasat. Raphael seterusnya menghantar emel balasan Provos NYU itu bersama-sama emel awal yang kononnya dihantar oleh Profesor Schiffman kepada Provos NYU itu kepada lima surat khabar edaran New York University, dengan catatan untuk tidak menyebarkan perkara itu dan menandatanganinya sekali lagi sebagai 'Lawrence Schiffman'.

[36] Raphael dihadapkan ke *Supreme Court of New York* dengan 51 pertuduhan pelbagai jenayah dan disabitkan dengan 30 pertuduhan. Beliau seterusnya merayu ke *Appellate Division of the Supreme Court of New York* yang mengesahkan sabitan terhadap Raphael. Rayuan beliau yang seterusnya ke mahkamah tertinggi di New York, *the Court of Appeals*, telah dibenarkan di mana sepuluh dari sabitan tersebut telah dibatalkan tetapi 20 sabitan lain termasuk *identity theft, criminal impersonation, forgery, aggravated harassment* dan *unauthorised use of a computer* dikekalkan.

[37] Carol Berkman, J yang membuat keputusan semasa kes ini dibicarakan di *Supreme Court of New York*, dalam keputusannya mendapati hak asasi

mengenai kebebasan bersuara yang dijamin oleh First Amendment kepada Perlembagaan Amerika Syarikat melindungi kandungan emel Raphael Golb. Namun demikian hak asasi itu tidak melindungi Raphael dalam tindakan penyamarannya. Carol Berkman H ketika mensabitkan Raphael Golb untuk jenayah *identity theft, criminal impersonation, forgery, aggravated harassment* dan *unauthorised use of a computer*, memutuskan:

> Defendant was not prosecuted for the content of any of the emails, *but only for giving the false impression that his victims were the actual authors of the emails. The First Amendment protects the right to criticize another person, but it does not permit anyone to give an intentionally false impression that the source of the message is that other person* (see *SMJ Group, Inc. v 417 Lafayette Restaurant LLC, 439 F Supp 2d 281 (SD NY 2006)*) ...
>
> *Defendant's principal defense was that these emails were only intended to be satiric hoaxes or pranks. However, as it has been observed in the context of trademark law, '[a] parody must convey two simultaneous — and contradictory — messages: that it is the original, but also that it is not the original and is instead a parody (Cliffs Notes, Inc v Bantam Doubleday Dell Pub. Group, Inc, 886 F2d 490, 494 [2d Cir 1989*] [emphasis omitted]). *Here, the evidence clearly established that defendant never intended any kind of parody. Instead, he only intended to convey the first message to the readers of the emails, that is, that the purported authors were the actual authors. It was equally clear that defendant intended that the recipients' reliance on this deception would cause harm to the purported authors and benefits to defendant or his father.* (Penekanan ditambah.)

[38] Keputusan Carol Berkman H dalam isu tersebut di atas telah disahkan oleh *Court of Appeal of New York* apabila memutuskan bahawa penyamaran Profesor Schiffman yang dbuat oleh Raphael Golb adalah:

> more than a prank intended to cause temporary embarrassment or discomfiture, and that he acted with intent to do real harm.

[39] Natijah keputusan mahkamah Amerika Syarikat dalam kes *Raphael Golb* adalah sama dengan keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Sepakat Efektif Sdn Bhd*, yakni penentuan sama ada sesuatu kerja seni sebagai suatu parodi atau sama ada ia menyakitkan hati orang lain atau tidak bukannya untuk ditentukan oleh pengkarya karya seni itu, tetapi oleh orang lain, dan tatkala ia di bawa ke mahkamah, ianya akan ditentukan oleh mahkamah dengan mengambil kira prinsip bahawa:

> a parody must convey two simultaneous — and contradictory — messages: that it is the original, but also that it is not the original and is instead a parody and if parody does not prickle it does not work.

[40] Komunikasi yang dihasilkan perayu seperti di Lampiran A kepada pertuduhan adalah komunikasi palsu dan berniat menyakitkan hati orang lain. Ia bukan suatu parodi. Ia adalah komunikasi yang melanggar peruntukan

s 233(1)(a) Akta KMM. Atas alasan ini, sabitan terhadap perayu dikekalkan.

[41] Mengenai hukuman, saya sekali lagi telah meneliti nota keterangan dan ambil maklum rayuan mengurangkan hukuman yang dihujahkan oleh peguambela perayu di hadapan HMS dan rayuan pemberatan hukuman oleh pihak pendakwaan, serta hujahan peguam perayu dan pihak pendakwaan semasa perbicaraan dihadapan HMS.

[42] Selain itu saya juga membuat *judicial notice* bahawa pada 11 Oktober 2018 lalu Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur telah membebaskan perayu setelah pihak pendakwaan menarik balik kes terhadap perayu yang dituduh bagi pertuduhan di bawah peruntukan undang-undang yang sama bagi kesalahan melibatkan komunikasi yang sama dengan pertuduhan di hadapan mahkamah ini sekarang.

[43] Mahkamah juga mengambil maklum akan beberapa laporan media yang menyebut tentang maklumat dari YB Menteri Komunikasi dan Multimedia mengenai pindaan yang sedang dibuat terhadap s 233 Akta Multimedia dan Komunikasi bagi memansuhkan unsur-unsur yang dikatakan oleh beliau sebagai bersifat 'draconian'.

[44] Setelah mengambil kira segala perkara yang tersebut, maka saya membenarkan rayuan perayu terhadap hukuman lalu membatalkan hukuman satu bulan penjara dan denda RM30,000 yang dijatuhkan oleh HMS dan digantikan dengan hukuman denda RM10,000 jika tidak bayar satu bulan penjara.

Sabitan dikekalkan, rayuan perayu terhadap hukuman dibenarkan; hukuman hakim mahkamah sesyen dibatalkan dan digantikan dengan hukuman denda RM10,000 jika tidak bayar satu bulan penjara.

Dilaporkan oleh Fatin Mohd Ismail